

PM jamin keselamatan Anwar kepada Wan Azizah

BH - 2/7/2008

Siasatan kes dibuat secara telus serta adil kepada semua pihak

Oleh Ahmad Zaini
Kamaruzzaman, Anwar Hussin,
Abdul Halim Yusoff, Faiza
Zainuddin dan Norliza Wasilan

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam, secara peribadi memberi jaminan keselamatan Datuk Seri Anwar Ibrahim kepada isterinya, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berhubung tuduhan meliwat terhadap penasihat Parti Keadilan Rakyat (PKR) itu.

Perdana Menteri berkata, jaminan keselamatan juga diberi kepada pengadu kes, Mohd Saiful Bukhari Azlan, 23, dan siasatan berhubung kes itu akan dijalankan secara telus serta adil terhadap kedua-dua pihak.

"Sesiapa saja yang terbabit, sama ada pengadu atau pihak yang dituduh akan dipastikan selamat. Undang-undang menjamin keselamatan mereka," katanya pada sidang media di pejabatnya di Parlimen selepas bertemu Dr Wan Azizah dan anaknya, Nurul Izzah yang juga Ahli Parlimen Lembah Pantai.

Dr Wan Azizah mengadakan pertemuan selama setengah jam dengan Abdullah pada jam 5 petang bagi meminta jaminan keselamatan Anwar kerana mendakwa nyawa suaminya diancam pihak tertentu.

Ditanya sama ada benar dakwaan keselamatan Anwar terancam, Abdullah berkata, itu adalah anggapan Wan Azizah dan kerajaan berjanji memastikan sesiapa yang terbabit dalam kes ini dijamin keselamatannya.

"Saya berjanji tiada sesiapa yang

akan dizalimi dalam siasatan ini," katanya.

Beliau berkata, jika benar keselamatan Anwar terancam dan ada cubaan bunuh, laporan polis perlu dibuat bagi membolehkan siasatan dilakukan.

Namun, Abdullah tidak menolak andaian dakwaan tanpa bukti berhubung keselamatan Anwar yang dikatakan terancam adalah permainan politik Anwar.

"Jika keselamatan Anwar terancam, mereka perlu membuat laporan

“Jaminan keselamatan juga diberi kepada pengadu kes dan siasatan berhubung kes itu akan dijalankan secara telus serta adil terhadap kedua-dua pihak. Sesiapa saja terbabit, sama ada pengadu atau pihak yang dituduh akan dipastikan selamat...”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

polis supaya tiada mana-mana pihak membuat andaian atau spekulasi," katanya.

Katanya, Dr Wan Azizah turut membangkitkan mengenai peranan Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan dan Peguam Negara, Tan Sri Abdul Gani Patail dalam siasatan terhadap Anwar dalam kes liwat dan rasuah pada 1998.

Ketika itu, Musa adalah pegawai penyiasat dan Abdul Gani adalah seorang daripada pendakwa raya terhadap kes Anwar.

"Saya ingin jelaskan Musa adalah pegawai polis yang baik serta profesional dalam menjalankan tugasnya, begitu juga Abdul Gani," katanya sambil menegaskan kerajaan tidak akan campur tangan dalam siasatan kes itu dan menyerahkan kepada pihak yang terbabit.

Sementara itu, Dr Wan Azizah berkata, beliau berterima kasih dan akan memegang janji yang diberikan Perdana Menteri untuk memberi jaminan keselamatan kepada Anwar.

Beliau berkata, Abdullah yang bersimpati dengan apa yang berlaku mendengar dan memahami perasaan mereka sekeluarga selepas ditimpa kejadian kali kedua yang disifatkan sebagai fitnah berat dan dahsyat.

"Kami menyuarakan kebimbangan mengenai keselamatan Anwar dan memberi satu salinan polis yang dibuat Anwar petang tadi (semalam). Beliau (Abdullah) memahami dan beri simpati. Oleh itu, saya mahu beliau memberikan jaminan peristiwa yang menimpa Anwar dikendalikan secara profesional.

"Beliau juga bersetuju berlaku ke-

zaliman pada 1998 apabila Anwar dipukul. Beliau (Abdullah) beri jaminan itu tidak akan berulang dan tiada episod sedemikian di bawah pemerintahannya sebagai Perdana Menteri," katanya pada sidang media di lobi Parlimen.

Dr Wan Azizah juga menyambut baik janji Perdana Menteri, tetapi mahu Abdullah memberi perhatian kepada apa yang berlaku pada 1998 ketika Musa dan Abdul Gani masing-masing menjadi pegawai penyiasat serta pendakwa raya kes itu.

"Saya memandang baik apa yang dikatakan Abdullah dan memintanya memberi perhatian bahawa walaupun polis di bawah Abdullah sebagai Perdana Menteri mungkin bertukar, mereka yang memegang jawatan tertinggi juga terbabit dengan kes Anwar pada 1998," katanya.

Ditanya bentuk jaminan Perdana Menteri, Dr Wan Azizah berkata, Perdana Menteri sendiri tidak boleh menerima kezaliman dalam pemerintahan terdahulu dan tidak mahu perkara sama berulang.

"Itu jaminan Perdana Menteri dan kalau kita lihat Perdana Menteri yang memberi jaminan... saya ambil berat jaminan itu dan menyambut baik. Malah, beliau (Abdullah) bersetuju dengan saya bahawa fitnah itu lebih dahsyat daripada membunuh dan dia memang setuju 100 peratus.

"Saya pegang kepada jaminan PM (Perdana Menteri), tapi alhamdulillah sekarang PM dah bertukar... dulu saya pun diberi jaminan dan ada pengalaman jadi ada sedikit rasa (was-was)," katanya.